

Mohd Fauzi Presiden ASAHL

Kuala Lumpur: Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramelan, dilantik sebagai Presiden Lembaga Pemegang Amanah Persatuan Institusi Pengajian Tinggi Asia Tenggara (ASAHL) baharu bagi tempoh dua tahun berkuat kuasa Januari ini.

Pelantikan Mohd Fauzi bagi menggantikan Prof Dr Idrus A Paturusi dari Indonesia dibuat pada mesyuarat lembaga Pengarah

ASAHL ke-140 di Nanyang Technological University di Singapura, baru-baru ini.

Beri komitmen tinggi

Ketika diminta mengulas mengenai pelantikannya itu, Mohd Fauzi berkata, beliau akan memberi komitmen tinggi dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan di ASEAN.

“Pelantikan ini dilihat akan memberi peluang kepada kerja-

sama lebih baik antara ahli ASAHL seiring peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN mulai Januari ini,” katanya.

ASAHL diwujudkan bagi membantu institusi anggotanya untuk sama-sama membentuk identiti seranta, selain mencapai persamaan antarabangsa dalam pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan awam, seterusnya menyumbang kepada kekuatan negara masing-masing dan rantau ini.

“Pelantikan ini dilihat akan memberi peluang kepada kerjasama lebih baik antara ahli ASAHL seiring peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN mulai Januari ini”

Mohd Fauzi Ramlan,
Naib Canselor UPM

